

Dr Mahathir pertahan keistimewaan Bumiputera

BH: 8/7/2007

KUALA LUMPUR: Malaysia adalah negara paling maju berbanding negara membangun lain, walaupun ia mengamalkan dasar yang memberi keistimewaan kepada Bumiputera, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Ketika mempertahankan dasar itu yang memberi keistimewaan kepada Bumiputera dalam pelbagai bidang, termasuk pendidikan, ekonomi dan peluang pekerjaan, Dr Mahathir berkata, jika dasar itu digunakan secara adil dan bijaksana, ia boleh melahirkan hasil yang baik.

Katanya, rakyat Malaysia bukan saja pelbagai kaum dan agama, tetapi juga berbeza dari segi pencapaian ekonomi.

“Perbezaan dalam bidang ekonomi... jika dibiarkan berterusan, akan membawa kepada lebih banyak ke-

burukan. Ketidakstabilan tidak akan wujud. Perbezaan yang wujud selalunya mencetuskan ketegangan antara kumpulan, jika mereka terdiri daripada kaum yang sama. Sosialisme dan komunisme lahir kerana wujudnya perbezaan ekonomi... perasaan bahawa mereka ditipu oleh puak kapitalis,” katanya.

Dr Mahathir berkata demikian dalam rancangan temu bual televisyen terbitan British Broadcasting Corporation (BBC) semalam, apabila ditanya mengenai dasar yang memberi keistimewaan kepada Bumiputera dan bagi mengulas kritikan ketua perwakilan Kesatuan Eropah ke Malaysia, Thierry Rommel, mengenai dasar itu.

Pada 21 Jun, Rommel dilaporkan berkata, dasar berkenaan tidak sesuai dilaksanakan di Malaysia dan menghalang kepada perjanjian per-

dagangan bebas kerana ia bersifat memberi perlindungan.

Berikutan itu, Rommel dipanggil ke Wisma Putra untuk memberi penjelasan dan dalam penjelasannya, Rommel berkata, kenyataan beliau itu tidak bermaksud untuk campurtangan dalam hal ehwal dalaman Malaysia.

Mengenai keganasan dan prasangka terhadap umat Islam, Dr Mahathir berkata Barat masih gagal menemui punca keganasan bagi membolehkan mereka mengatasinya.

Ketika ditanya bagaimana beliau melihat peluang Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk kembali semua dalam politik, Dr Mahathir berkata, beliau tidak nampak sebarang harapan bagi bekas Timbalan Perdana Menteri itu mencapai apa yang dicita-citakannya — untuk menjadi Perdana Menteri.

“Saya tidak fikir beliau mampu-

nyai sebarang harapan mencapai apa yang beliau cita-citakan... tentu beliau mahu menjadi Perdana Menteri. Beliau tidak akan mendapat tempat itu,” katanya.

Ditanya kenapa Anwar, kini penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) tidak akan berpeluang menjadi Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata Anwar sedang kehilangan pengikutnya dengan begitu cepat sekali.

“Kita boleh memberitahu orang mengenai sesuatu dan orang akan mempercayainya buat seketika... tetapi kemudian mereka akhirnya akan mengetahui sama ada kita bercakap benar atau kita berbohong kepada mereka,” kata Dr Mahathir.

Anwar dipecat oleh Dr Mahathir daripada jawatan Kabinet dan parti Umno pada September 1998 kerana dakwaan salah laku seksual dan rasuah.

Anwar menjalani hukuman penjara enam tahun selepas disabitkan kesalahan kerana rasuah.

Beliau dibebaskan daripada penjara pada 2004 selepas Mahkamah Persekutuan menolak pensabitan tuduhan liwat terhadapnya.

Mengikut undang-undang Malaysia, Anwar dihalang daripada kembali aktif dalam politik sehingga 14 April 2008.

Rabu lalu, Dr Mahathir berjaya dalam cubaannya untuk membatalkan saman malu yang difailkan Anwar terhadap beliau kerana menuduh Anwar sebagai seorang homoseksual pada satu persidangan anjuran Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) selepas Mahkamah Tinggi di sini membenarkan permohonan Dr Mahathir.

Keesokannya, Anwar memfailkan notis rayuan. — Bernama